



Lupa Berniat: Kesannya Kepada Ibadat Puasa

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Niat merupakan salah satu rukun dalam ibadat puasa yang perlu diberi perhatian. Bagaimanapun perkara berniat ini bukan hanya dianjurkan untuk dititik-beratkan dalam ibadat puasa, bahkan dalam semua ibadat kerana kesahan amalan-amalan yang dikerjakan itu bergantung kepada niat. Ini adalah berdasarkan sabda Baginda Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya amal semua perbuatan itu hanyalah dengan niat.*”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam konteks ibadat puasa, tanpa niat, seseorang itu tidak dianggap berpuasa walaupun dia menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa, seperti makan dan minum. Oleh yang demikian, untuk memastikan kesahan ibadat puasa, adalah semestinya seseorang itu mengetahui dan memahami perkara niat.

Waktu Berniat

Waktu berniat bagi orang yang hendak melakukan puasa Ramadhan bermula daripada terbenam matahari, yakni masuk waktu sembahyang fardhu Maghrib hinggalah sebelum terbit fajar *shadiq*. Oleh itu, bolehlah dilakukan niat puasa pada mana-mana bahagian daripada waktu tersebut, hatta ketika sedang menunaikan sembahyang fardhu Maghrib. Perkara ini adalah berdasarkan firman Allah Ta‘ala:

﴿وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ﴾

(187 :)

Tafsirnya: “Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), yaitu (waktu) fajar.”

(Surah al-Baqarah: 187)

Berniat puasa Ramadhan itu wajib dilakukan pada tiap-tiap hari di waktu malam. Jika niat itu dilakukan setelah terbit fajar atau sebaya dengan terbit fajar, maka puasa tersebut adalah tidak sah. Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha dari Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar shadiq, maka tidak ada puasa baginya.”

(Hadits riwayat al-Baihaqi dan al-Daraquthni)

Manakala tempat niat itu ialah dalam hati dan sunat dilafazkan niat itu dengan lidah bagi membantu dalam hati sepertimana niat ibadat-ibadat yang lain. Niat puasa Ramadhan itu sekurang-kurangnya ialah:

Ertinya: “Sahaja aku puasa Ramadhan.”

Niat yang lengkap pula ialah:

Ertinya: “*Sahaja aku puasa esok hari menunaikan fardhu Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Ta‘ala.*”

Lupa Berniat

Sebagaimana yang telah dijelaskan, niat puasa itu wajib dilakukan pada tiap-tiap hari waktu malam. Oleh itu, orang yang terlupa berniat puasa pada mana-mana bahagian waktu malam tidak sah baginya melakukan ibadat puasa. Tetapi dia diwajibkan *imsak*, iaitu menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, pada siang hari tersebut. Dia juga wajib menqadha hari puasa yang terluput itu pada hari lain di luar bulan Ramadhan, kecuali jika dia berniat puasa sebulan, iaitu pada malam pertama puasa sepertimana niat puasa dalam mazhab Maliki.

Menurut pendapat mazhab Maliki harus niat puasa itu dilakukan sekali sahaja bagi ibadah-ibadah puasa yang dikerjakan secara berturut-turut, seperti puasa sebulan Ramadhan.

Sebagai jalan berhati-hati agar tidak terluput dari mengerjakan ibadat puasa disebabkan terlupa berniat, adalah digalakkan berniat puasa sebulan penuh pada awal bulan Ramadhan. Bahkan sesetengah ulama mengatakan adalah sunat hukumnya untuk berniat sebulan ini. Jika sekiranya seseorang itu terlupa berniat pada malam-malam berikutnya, maka dengan adanya niat sebulan, ia akan menampung niat pada hari yang kita lupa itu.

Contoh lafaz niat puasa sebulan itu ialah:

Ertinya: “*Sahaja aku puasa bulan Ramadhan seluruhnya pada tahun ini kerana Allah Ta‘ala.*”

Namun begitu, mengenai berniat sebulan ini terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui agar ibadat yang dikerjakan itu sah dan sempurna menurut hukum syarak. Perkara tersebut ialah:

Pertama: Berniat pada awal bulan

Memandangkan tujuan berniat puasa sebulan adalah kerana untuk mengelakkan seseorang daripada terluput mengerjakan puasa kerana terlupa berniat pada mana-mana malam di bulan Ramadhan, maka niat puasa sebulan itu dilakukan pada awal bulan Ramadhan, iaitu pada malam pertama Ramadhan.

Kedua: Batal niat sebulan kerana terhalang daripada puasa berturut-turut

Antara perkara penting yang perlu diketahui juga ialah jika puasa yang wajib dilakukan secara berturut-turut itu, seperti puasa Ramadhan, terputus oleh sesuatu sebab, sama ada sebab yang dibenarkan oleh syara' ataupun tidak, maka niat sebulan puasa itu tidak lagi memadai untuk hari-hari puasa yang seterusnya. Dengan kata lain tidak lagi boleh dipakai niat sebulan itu.

Bahkan, hendaklah diperbaharui niat apabila tidak ada lagi perkara yang menghalang daripada puasa berturut-turut. Dalam makna yang lain, berniat sekali lagi dan memadai dengan sekali niat bagi semua hari-hari puasa yang berbaki.

Sebab-sebab yang dikategorikan sebagai penghalang daripada puasa secara berturutan, sama ada sebab yang dibenarkan oleh syara' ataupun tidak adalah seperti berikut:

- 1) Berlaku sesuatu yang **mengharuskan** seseorang itu **tidak berpuasa**, seperti sakit atau dalam pelayaran, walaupun dia tetap juga berpuasa (tidak berbuka puasa).

Oleh itu, orang yang berniat puasa sebulan jika berlaku sesuatu yang mengharuskannya tidak berpuasa, maka niat puasa sebulannya itu tidak lagi memadai (tidak boleh lagi dipakai) untuk hari-hari puasanya yang seterusnya, walaupun dia tetap juga berpuasa (tidak berbuka) dalam keadaannya sakit, dalam pelayaran atau sebagainya.

Khusus bagi orang yang mengalami situasi seperti ini, jika dia hendak berpuasa juga dalam keadaannya sakit atau dalam pelayaran atau sebagainya, hendaklah dia berniat puasa pada tiap-tiap malam.

- 2) Berlaku sesuatu yang **membatalkan** puasa, seperti datang haidh, nifas, gila, pengsan dan sebagainya.

Jika berlaku ke atas seseorang perkara di atas yang membatalkan puasa, maka niat puasa sebulannya itu tidak boleh lagi dipakai untuk hari-hari puasanya yang seterusnya.

- 3) Berbuka puasa atau tidak berpuasa **tanpa ada sebab** yang dibenarkan oleh syara'.

Ini kerana ibadat puasa orang-orang seperti ini tidak lagi termasuk di dalam kategori puasa yang wajib dikerjakan secara berturut-turut yang menjadi syarat (dalam mazhab Maliki) bagi berniat sebulan itu.

Ragu-Ragu (Syak) Dalam Berniat

Perasaan ragu-ragu (syak) pada siang hari puasa, sama ada sudah berniat puasa pada malam hari ataupun tidak, boleh menjejaskan ibadat puasa seseorang jika dia tidak dapat mengingati kembali apakah dia sudah berniat atau belum.

Jika dia boleh mengingati kembali, walaupun setelah berlalu sebahagian besar waktu siang atau setelah masuk hari seterusnya (selepas waktu Maghrib), bahawa dia sudah berniat pada malam hari, maka puasanya dianggap sah.

Sebagai kesimpulan, dalam pelaksanaan ibadah puasa niat merupakan perkara yang amat penting. Malahan puasa akan menjadi tidak sah tanpa niat, sekalipun kerana terlupa. Begitu juga niat tidak sah jika dilakukan di luar daripada masa yang ditentukan syara'. Untuk mengelakkan seseorang tertinggal melakukan ibadah puasa hanya disebabkan terlupa untuk berniat di malam hari, digalakkan berniat puasa sebulan dengan bertaklid kepada mazhab Maliki yang mengharuskan berniat sedemikian bagi puasa yang dilakukan secara berturut-turut, seperti puasa Ramadhan, dengan mengambil kira beberapa perkara yang disyaratkan dalam mazhab Maliki sebagaimana yang telah dijelaskan.